

30 MAY 1997

MIC-Sikh

MIC TUBUH 20 CAWANGAN KHAS

KUALA LUMPUR, 30 Mei (Bernama) -- MIC akan menubuhkan 20 cawangan khas dianggotai kaum Sikh yang telah memohon menyertai parti itu.

Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu berkata majlis tertinggi MIC pada mesyuaratnya hari ini membuat keputusan untuk menerima 3,000 kaum Sikh sebagai anggota MIC dan diserapkan ke dalam 20 cawangan khas.

Penubuhan cawangan itu telah dikemukakan kepada Pendaftar Pertubuhan dan dijangka dapat dilaksanakan dalam masa dua hingga tiga minggu lagi, katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat itu di ibu pejabat MIC di sini.

Menurutnya anggota MIC kini berjumlah 457,268 orang yang berdaftar di 3,500 cawangan di seluruh negara.

MIC juga akan menubuhkan satu urusetia khas di peringkat ibu pejabat untuk menangani masalah sosial kaum India.

Mengenai persiapan mesyuarat agung parti pada 2 dan 3 Ogos depan, Samy Vellu berkata kesemua cawangan telah menyelesaikan mesyuarat agung kecuali enam cawangan berikutan masalah teknikal.

Di peringkat bahagian, penamaan calon untuk pemilihan pucuk pimpinan akan diadakan pada 1 Jun manakala mesyuarat agung peringkat itu akan diselesaikan sebelum 30 Jun.

Samy Vellu sekali lagi mengulas kekalahan Barisan Nasional dalam pilihan raya kecil kawasan Parlimen Teluk Intan baru-baru ini,

Katanya kekurangan sokongan pengundi India dalam pilihan raya itu berpunca daripada timbulnya "terlalu banyak kekeliruan" berikutan tindakan sebuah parti komponen BN yang turut berkempen di kalangan masyarakat India di kawasan itu, selain MIC.

"Parti itu mengaku bahawa ia adalah wakil tunggal BN. Ini menimbulkan kekeliruan di kalangan masyarakat India Teluk Intan kerana ia mempamerkan lambang dan bendera partinya melebihi lambang BN sendiri," katanya.

Beliau berkata MIC akan mengemukakan perkara itu kepada Pengerusi BN Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam mesyuarat BN akan datang.

Pada pilihan raya itu 17 Mei lepas, calon BN Dr Chee See Choke tewas kepada M. Kula Segaran dari DAP dengan majoriti 2,916 undi. -- BERNAMA

RAZ RON